

**KAJIAN KETOKOHAN DAN SUMBANGAN
HARON DIN DALAM BIDANG PERUBATAN
ISLAM**

UMMI SARRAH BINTI MOHD GHAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**KAJIAN KETOKOHAN DAN SUMBANGAN
HARON DIN DALAM BIDANG PERUBATAN
ISLAM**

oleh

UMMI SARRAH BINTI MOHD GHAZALI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

September 2022

PENGHARGAAN

Segala pujian kepada Allah ﷻ kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya dapat menghabiskan penulisan kajian saya tepat pada masanya bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (Falsafah). Terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan Sabjan kerana telah banyak memberi bantuan moral dan juga teknikal untuk saya menyiapkan kajian ini. Pengalaman yang saya perolehi daripada beliau telah mengajar saya bahawa menjadi ahli akademik memerlukan pengorbanan dan disiplin yang tinggi. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun USM atas segala sokongan, kritikan dan cadangan yang diberikan terhadap tesis dan kertas kerja saya. Di samping itu, penghargaan ditujukan kepada staf-staf Perpustakaan Hamzah Sendut USM yang membantu saya mendapatkan bahan kajian saya. Tidak dilupakan juga, terima kasih kepada seluruh staf Pusat Pengajian Kemanusiaan USM atas khidmat yang cemerlang yang amat membantu saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM, Prof. Dato' Dr. Narimah Samat kerana telah memberi saya peluang untuk menyertai program ijazah sarjana ini. Penghargaan ditujukan juga kepada seluruh rakan-rakan yang telah berkongsi ilmu dan membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada kedua ibu bapa mertua saya atas segala sokongan. Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada ibu saya, Mariah Binti Mat Daud; dan suami saya, Mohammad Umair Bin Abd Rahim atas segala sokongan dan doa yang dipanjatkan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN.....	viii
SENARAI LAMPIRAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	14
1.4 Persoalan Kajian.....	19
1.5 Objektif kajian.....	19
1.6 Sorotan Literatur	20
1.7 Metodologi Kajian.....	27
1.7.1 Pendekatan Kajian.....	27
1.7.2 Pengumpulan Data	28
1.7.2(a) Sumber Primer	28
1.7.2(b) Sumber Sekunder	29
1.7.3 Analisis Data.....	30
1.7.3(a) Naratif-Deskriptif	30
1.7.3(b) Metode Deduktif	30
1.7.3(c) Metode Induktif.....	31
1.8 Skop Kajian.....	32
1.9 Kepentingan Kajian	33

1.10	Organisasi Kajian	34
1.11	Kesimpulan	36
BAB 2 KONSEP PERUBATAN ISLAM		37
2.1	Pengenalan	37
2.2	Konsep Perubatan Islam	37
2.2.1	Konsep Penyakit dan Ubat Dalam Islam.....	42
2.2.1(a)	Penyakit Jasmani	43
2.2.1(b)	Penyakit Rohani	45
2.2.1(c)	Gangguan Makhluk Halus	47
2.2.1(d)	Rawatan Secara Alamiah (<i>Semula Jadi</i>).....	52
2.2.1(e)	Rawatan Secara Ilahiah (<i>Ketuhanan</i>)	54
2.3	Kesimpulan	56
BAB 3 LATAR BELAKANG PERUBATAN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA		57
3.1	Pengenalan	57
3.2	Sejarah Ringkas Perubatan Islam	57
3.2.1	Perubatan Alternatif Sebelum Kedatangan Islam	57
3.2.2	Perubatan Islam pada Zaman Nabi ﷺ	60
3.2.2(a)	Berbekam	62
3.2.2(b)	Madu	62
3.2.2(c)	Merawat Demam dengan Air	63
3.2.2(d)	<i>Sa'ut</i> dan <i>Ladud</i> untuk Penyakit Kerongkong dan Radang	64
3.2.2(e)	Ruqyah.....	64
3.3	Perkembangan Perubatan Islam di Malaysia	66
3.3.1	Transisi Perubatan Alternatif Melayu Kepada Islam	72
3.3.2	Pengukuhan Kegiatan Perubatan Islam.....	77
3.4	Kesimpulan	82

BAB 4	LATAR BELAKANG KEHIDUPAN HARON DIN	84
4.1	Pengenalan	84
4.1.1	Kehidupan Awal dan Keluarga.....	85
4.1.2	Pendidikan	89
4.1.3	Kerjaya	93
4.1.4	Akhir Hayat	97
4.2	Ketokohan dan Sumbangan Haron Din	99
4.2.1	Pendidikan dan Dakwah.....	99
4.2.2	Politik	106
4.2.3	Bidang Ekonomi dan Sosial	108
4.2.4	Bidang Perubatan Islam.....	110
4.3	Pengiktirafan dan Penghargaan Terhadap Haron Din	113
4.4	Kritikan Terhadap Haron Din dan Jawapan Balas	114
4.5	Kesimpulan	117
BAB 5	KETOKOHAN DAN SUMBANGAN HARON DIN DALAM BIDANG PERUBATAN ISLAM DI MALAYSIA	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Memurnikan Tujuan Perubatan Islam	120
5.2.1	Tujuan Utama Perubatan Islam.....	120
5.2.2	Membudayakan dan Mengajarkan Kaedah Rawatan yang Sahih....	125
5.2.2(a)	Ruqyah Asas Pertama.....	129
5.2.2(b)	Ruqyah Asas Kedua	134
5.2.2(c)	Ruqyah Asas Ketiga	142
5.2.3	Menekankan Konsep Rawatan Islam sebagai Satu Ibadah	152
5.2.4	Menerapkan Konsep Tauhid kepada Pesakit dan Perawat	158
5.3	Megasaskan dan Mengetuai Pertubuhan Darussyifa'	163
5.3.1	Sumbangan Umum Haron Din Melalui Darussyifa'	165

5.3.2	Memperkenalkan Sistem Pengajaran dan Pembelajaran yang Teratur	172
5.3.3	Melahirkan Pengamal Perubatan Islam yang Berautoriti dan Berjasa	175
5.4	Sumbangan Akademik dalam Bidang Perubatan Islam	180
5.4.1	Meningkatkan Akses Ilmu Perubatan Islam Melalui Penghasilan Karya Ilmiah	181
5.4.2	Menggalakkan Wacana Ilmiah tentang Perubatan Islam	184
5.5	Kesimpulan	187
BAB 6	PENUTUP	190
6.1	Rumusan Dapatan Kajian	190
6.2	Implikasi Kajian	192
6.3	Cadangan Kajian Lanjut	193
	BIBLIOGRAFI	195

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1	Buku ilmiah karya Haron Din selain topik perubahan Islam.....100

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
AKRINE	Akademi Rawatan Islam Nur Ehsan
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia
DAP	Parti Tindakan Rakyat
Darussalam	Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia
Darussyifa'	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DPMS	Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor
GAPPIMA	Gabungan Pengamal Perubatan Islam Malaysia
HAMAS	<i>Harakat al-Muqawamat al-Islamiyah</i>
IJN	Institut Jantung Negara
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
MATIN	Ma'ahad Tahfiz Imam Nawawi
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPI	Majlis Perundingan Islam
NOSS	<i>National Occupation Skills Standard</i>

PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDS	Pusat Dakwah Serantau
PRIM	Pusat Rawatan Islam al-Manarah
PRN	Pusat Rawatan Negeri Darussyifa'
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
TVS	Selangor TV
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTP	Universiti Teknologi Petronas

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A GAMBAR HARON DIN
- LAMPIRAN B GAMBAR HARON DIN (KIRI) DIZIARAHI NAJIB RAZAK,
PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-6 (KANAN) DI
INSTITUT JANTUNG NEGARA, APRIL 2016
- LAMIPRAN C GAMBAR BANGUNAN PUSAT RAWATAN UTAMA
DARUSSYIFA' BERALAMAT DI NO. 5, JLN 1/7D,
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

KAJIAN KETOKOHAN DAN SUMBANGAN HARON DIN DALAM BIDANG PERUBATAN ISLAM

ABSTRAK

Kegiatan perubatan Islam di Malaysia kini (abad ke-21) telah menyaksikan perkembangan yang luar biasa. Ini dapat dilihat daripada percambahan pusat rawatan Islam di Malaysia; kewujudan akta untuk mengawasi bidang ini; dan juga penubuhan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Segala hal ini menunjukkan permintaan masyarakat terhadap konsep rawatan ini semakin bertambah sekali gus menunjukkan kepentingan untuk mengkaji bidang ini. Haron Din merupakan antara tokoh yang berperanan penting menaikkan nama perubatan Islam di Malaysia. Justeru tesis ini memilih untuk mengkaji sumbangan Haron Din berikutan kegiatan beliau selaku pengamal perubatan Islam dan pengiktirafan masyarakat terhadap ketokohnya dalam bidang ini. Selain mengenalpasti sumbangan yang diberikan Haron Din dalam bidang perubatan Islam, kajian ini turut akan melakukan kajian terhadap biografi Haron Din serta menjelaskan latar belakang perubatan Islam di Malaysia. Bagi menjayakan tujuan ini, pendekatan naratif-deskriptif akan dimanfaatkan bagi memperlihatkan kesinambungan perkembangan yang dibawa Haron Din. Pendekatan induktif dan deduktif juga turut akan diadaptasi bagi mengukuhkan hujah di dalam tesis ini. Kajian ini mendapati bahawa antara sumbangan beliau yang terbesar adalah kejayaannya meningkatkan kesedaran masyarakat secara meluas tentang perubatan Islam melalui pemisahan perubatan Islam daripada perubatan tradisional Melayu di peringkat negara.

A STUDY OF HARON DIN'S SCHOLARSHIP AND CONTRIBUTION IN THE FIELD OF ISLAMIC MEDICINE

ABSTRACT

The activity of Islamic Medicine in Malaysia lately (21st Century) witnessed a phenomenal development. This can be seen from the increasing number of Islamic treatment center in Malaysia; existence of law to safeguard this field; as well as the establishment of the Department of Traditional and Complementary Medicine by Ministry of Health Malaysia. All of these show that the demand over this concept of treatment among society had positively increasing and subsequently shows the importance to study this field. Haron Din was one of the protagonists that played an important role in elevating the name of Islamic medicine in Malaysia. Hence, this thesis chose to study the contribution made by Haron Din in consequence to his role as a practitioner of Islamic medicine and the acknowledgement given by society over his leadership in the field. Other than identifying his contribution in Islamic medicine, this research will do an inquiry on Haron Din's biography, as well as explaining the background of Islamic medicine in Malaysia. In achieving the objectives, narrative-descriptive approach will be utilized to show the continuity of development brought by Haron Din. Inductive and deductive method will be adopted as well in order to establish the argument in this thesis. This study found that among his greatest contribution was his success in enhancing the awareness of society at mass concerning Islamic medicine through separation of Islamic medicine from traditional Malay medicine at national level.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Haron Din merupakan antara tokoh agamawan yang dikenali ramai masyarakat awam mahupun sarjana, khususnya di Malaysia. Hal ini tentunya disebabkan oleh beberapa faktor. Beliau sering dikenali sebagai seorang tokoh dalam bidang politik kerana kedudukan dan pencapaiannya dalam bidang tersebut. Namun, ketokohan beliau dalam bidang perubatan Islam di Malaysia juga menjadi antara sebab utama yang mengangkat nama beliau di sisi masyarakat. Tentunya ketokohan beliau dalam bidang ini merupakan manifestasi sumbangan-sumbangan yang telah beliau lakukan. Acapkali, sumbangan seseorang tokoh dalam sesuatu bidang sering dikaitkan dengan usaha penambahbaikan yang dilakukan. Hal ini berbeza dengan bidang perubatan Islam. Dalam konteks kegiatan perubatan Islam di Malaysia, Haron Din bukan sahaja melakukan penambahbaikan tetapi turut mengusahakan pemurnian. Ini kerana, perubatan Islam merupakan antara bidang yang sering disalahfahami dalam korpus ilmu Islam dan dalam kalangan masyarakat Muslim khususnya Muslim di Malaysia. Secara tidak langsung, individu yang terjun ke dalam bidang ini, seperti Haron Din, juga telah atau berpotensi menjadi seorang yang disalahfahami dalam bidang ini.

Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang sumbangan Haron Din dalam bidang perubatan Islam. Dalam hal ini, penjelasan tentang (i) ilmu perubatan Islam dan (ii) perkembangan kegiatan perubatan Islam khususnya di Malaysia perlu dilakukan. Kajian ini penting bukan sahaja sebagai satu usaha untuk menjelaskan mengapa beliau diangkat sebagai seorang tokoh perubatan Islam di Malaysia, tetapi

turut untuk menghargai pencapaian bidang perubatan Islam di Malaysia yang dinikmati kini.

Oleh hal yang demikian, bab ini akan membincangkan tentang asas-asas bagi kajian yang akan dilakukan. Secara asasnya, dalam memahami kajian yang akan dilakukan, latar belakang tentang kajian ini akan dibincangkan terlebih dahulu. Setelah memahami latar belakang kajian, permasalahan kajian akan dapat dikenalpasti. Daripada permasalahan kajian yang dikenalpasti, bab ini akan menyenaraikan persoalan kajian dan disusuli dengan objektif kajian. Seterusnya, beberapa definisi konsep juga akan disertakan bagi menjelaskan lagi maksud-maksud utama dalam kajian ini. Bab ini juga akan membincangkan sejumlah kajian lampau berkait dengan sumbangan Haron Din dalam perubatan Islam bagi memperlihatkan lagi kepentingan kajian ini. Setelah itu, barulah metodologi kajian yang sesuai akan dapat dikenalpasti. Di samping itu, skop dan limitasi kajian juga akan dijelaskan. Bab ini juga akan menghuraikan kepentingan kajian serta organisasi kajian untuk tesis ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Takrif perkataan “perubatan Islam” agak meluas dan masih tiada definisi sepakat. Terdapat pelbagai pandangan para sarjana dalam mendefinisi bidang ini. Secara rumusnya, pandangan tersebut boleh dilihat pada dua sisi. Sisi pertama, perubatan Islam merujuk kepada satu sistem perubatan yang menggabungkan dua jenis penjelasan dalam melihat penyakit dan ubat, iaitu penjelasan ilahiah (metafizikal) dan penjelasan alamiah (fizikal). Metafizikal dalam falsafah merujuk kepada sesuatu yang ghaib atau bukan fizikal. Misalnya, tuhan, malaikat, moraliti, jin, dosa dan pahala.¹

¹ Achmad Reza Hutama al-Faruqi, “Konsep Ilmu dalam Islam”, *Jurnal KALIMAH*, Vol. 13, No. 2, September 2015, hlm. 228. Lihat juga R. Audi, *The Cambridge Dictionary of Philosophy, Second Edition*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 563.

Antara sarjana yang mendefinisikan perubatan Islam sedemikian adalah Ibn Sina dalam kitabnya *al-Qanun fi al-Tibb*. Beliau berpendapat perubatan dapat ditakrifkan sebagai satu ilmu yang berkait dengan kondisi tubuh badan dan kemerosotan kesihatannya serta rawatannya yang merupakan sebahagian daripada ajaran Islam.² Justeru, tiada istilah “perubatan Islam” yang khusus kerana konsep perubatan itu sendiri dituntut dalam Islam. Rashid Bikha juga berpendapat bahawa perubatan Islam bukanlah perubatan Muslim, tetapi praktik perubatan yang tidak bercanggah dengan syariat dan mengikut konsep etika dan moral ajaran Islam.³ Ertinya, perubatan Islam tidak hanya merujuk kepada kaedah perubatan yang dihasilkan tetap pada waktu dan lokasi tertentu, tetapi ertinya lebih luas iaitu gabungan perubatan kaedah fizikal dan metafizikal berasaskan pengibadatan kepada Allah ﷻ dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah. Pendapat ini juga dipegang oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani.⁴

Sisi pandang seterusnya adalah seperti yang dinyatakan oleh Azizan Baharuddin dalam tulisannya iaitu perubatan Islam adalah satu konsep sistem pengubatan berprinsipkan ajaran-ajaran Islam sebagai teras perubatan, yang telah dibina oleh orang-orang Islam dari pelbagai kaum etnik dan bangsa turun-temurun dari permulaan zaman sehingga era kini.⁵ Roland Werner juga menyatakan bahawa perubatan Islam merupakan satu usaha para sarjana Islam dalam mengatasi masalah kemerosotan kesihatan yang berkait satu sama lain antara tuhan, manusia dan alam

² Roshaimizan Suhaimi & Jasni Sulong, “Konsep Asas Perubatan Islam Menurut Ibnu Sina”, *ESTEEM Academic Journal UiTM Pulau Pinang*, Vol. 5, No. 2, December 2009, hlm. 207 & 209.

³ Rashid Bhikha, “Islamic Medicine Revisited”, *Tibb Insitute: A Science of Medicine, the Art of Care*, December 2007, hlm. 6.

⁴ Nurdeen Deuraseh, “Health and Medicine in the Islamic Tradition Based on the Book of Medicine (Kitab al-Tibb) of Sahih al-Bukhari”, *JISHIM*, No. 5, 2006, hlm. 3. Lihat juga Mohammad Taqirur Rahman, Reeza Nazer, Lindsay Brown, Ibrahim Shogar & Anke Iman Bouzenita, “Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective”, *JIMA*, Vol. 40, 2008, hlm. 63-64.

⁵ Azizan Baharuddin, *Unsur Rasional dan Spritual di Dalam Perubatan Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1993.

sekelliling, secara harmoni dan selari.⁶ Jelas di sini bahawa definisi perubatan Islam tersebut bersifat “satu kaedah perubatan yang eksklusif dibina oleh orang Islam”.⁷

Definisi pertama lebih tepat dan lebih konsisten berbanding yang kedua. Ini kerana, banyak kajian telah dilakukan yang menunjukkan bahawa kaedah “perubatan Islam” yang dibina oleh orang Islam tersebut sebahagiannya merupakan hasil daripada pengubahsuaian, penambahbaikan dan pinjaman daripada keilmuan luar, misalnya Greek, Parsi dan India.⁸ Di samping itu, pandangan pertama yang paling mendekati al-Quran dan al-Sunnah kerana menjaga kesihatan itu secara umumnya adalah ibadah. Meskipun kaedahnya berbeza-beza, selagi mana masih mengikuti aturan agama dan berpaksikan ibadat kepada Allah, kaedah tersebut adalah perubatan Islam. Dalam hal ini, Asim Abdelmoneim Hussein dan rakannya menyatakan: “*Quran and the Sunnah catalyzed the seeking of knowledge and scientific enquiry... Muslim scholars saw the collection and transmission of medical knowledge as acts of piety...*”⁹ (Quran dan Sunnah mencetuskan pencarian ilmu dan taakulan saintifik... sarjana-sarjana Muslim melihat pengumpulan dan penurunan ilmu perubatan sebagai satu amal soleh...). Ini kerana, asal sesuatu urusan keduniaan adalah harus sebagaimana ayat dalam surah al-Baqarah (2: 29) yang menyatakan (bermaksud): “*Dialah yang menciptakan segala di bumi itu untuk kamu sekalian (manusia)...*”¹⁰ Melainkan, terdapat dalil yang

⁶ Roland Werner, *Transcultural Healing, The Whole Human*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1983.

⁷ Husain F. Nagamia, “Islamic Medicine, History and Current Practice”, *JISHIM*, No. 2, 2003, hlm. 20.

⁸ Mohammad Taqirur Rahman, Reeza Nazer, Lindsay Brown, Ibrahim Shogar & Anke Iman Bouzenita, “Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective”, *JIMA*, Vol. 40, 2008, hlm. 61. Lihat juga Hawa Edriss, B. N. Rosales, C. Nugent, C. Conrad & K. Nugent, “Islamic Medicine in the Middle Ages”, *American Journal of Medical Science*, Vol. 354, No. 3, 2017, hlm. 223. Rujuk juga Bashar Saad, Roda JadAllah Harbi Daraghme & Omar Said, “Medicines and Methods of Therapy in the Arab and Islamic World”, *Biosci. Biotech. Res. Comm.*, Vol. 2, No. 2, December 2009, hlm. 123-125.

⁹ Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, “Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM): Revisiting Concepts and Definitions”, *ACTA Scientific Medical Sciences*, Vol. 3, Is. 8, August 2019, hlm. 66.

¹⁰ Muhammad bin Ahmad al-Qurthubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran (Tafsir al-Qurthubi) (Jil. 1)* (Tim Pustaka Azzam, terj., Muhammad Ibrahim al-Hifnawi & Mahmud Hamid Utsman, ed.), Jakarta: Pustaka Azzam, 2007, hlm. 562.

mengharamkannya seperti pengharaman memakan khinzir dan riba'. Hal yang sama dalam bidang perubatan fizikal yang menuntut penggunaan akal, sebagaimana yang diisyaratkan oleh Nabi ﷺ.¹¹

Seterusnya, berkait dengan definisi tersebut, terdapat pula dua pendapat iaitu adakah perubatan Islam suatu kaedah khusus yang disyariatkan ataupun satu kaedah yang berasaskan unsur kemanusiaan.¹² Jika perubatan Islam suatu yang bersifat *tasyri'*, ertinya kaedah perubatan moden pada zaman ini tidak boleh dikategorikan sebagai perubatan Islam. Antara sarjana Islam yang berpegang pada pendapat ini adalah Taqiyuddin al-Subki dan Abu Syahbah.¹³ Manakala, sekiranya perubatan Islam bersifat unsur kemanusiaan, segala kaedah perubatan moden boleh didefinisikan sebagai perubatan Islam selagi mana mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh agama. Antara yang memegang pendapat ini adalah Ibn Khaldun dan Waliyullah al-Dehlawi.¹⁴

Berkenaan pendapat bahawa perubatan Islam suatu yang bersifat *tasyri'*, terdapat sedikit kemusykilan. Antaranya adalah keumuman dalil-dalil syarak yang menyuruh manusia berikhtiar mencari rawatan. Misalnya, anjuran Nabi ﷺ yang menyuruh orang Arab Badwi ikhtiar untuk berubat *secara umum tanpa memberikan jenis ubat yang khusus*, sedangkan jelas bahawa arahan Nabi ﷺ merupakan tuntutan

¹¹ Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, "Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)", hlm. 67. Lihat juga Abu Mohamed Abdul Kareem Hagedorn, Surat-menyurat dengan Syekh Muqbil Hadi al-Wadi'i, 15 Oktober 2015, USA. <http://alisticqaamah.com/wp-content/uploads/2015/10/Muqbil-Bidah.pdf>. Diakses pada 25 Julai 2022.

¹² Zulkiflee Haron, Konsep al-Shifa' dalam al-Quran: Kajian Terhadap Metode Rawatan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Tesis Ph.D., Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016, hlm. 60-61. Lihat juga Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, "Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)", hlm. 66-67.

¹³ Roshimah Shamsudin & Mohd Siroj Abdul Lathiff, "Elemen Wahyu dalam Amalan Perubatan Nabi SAW", dalam Mohd Syahmir Alias, Mohammad Umair Abd Rahim & Ummi Sarrah Mohd Ghazali (eds.), *Kajian Wahyu dalam Aspek Pemikiran Tafsir, Falsafah & Perubatan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2020, hlm. 74-75.

¹⁴ Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, "Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)", hlm. 67.

wahyu.¹⁵ Dalam hal ini, Nurdeen Deuraseh mengutarakan bahawa tujuan al-Bukhari meletakkan bab dalam kitabnya sebagai kitab “*al-Tibb*” dan bukannya “*Tibb al-Nabawi*” adalah kerana beliau berpendapat bahawa kaedah perubatan Islam bukanlah bersifat wahyu *secara mutlak*.¹⁶ Justeru, terdapat alternatif ketiga iaitu perubatan Islam merupakan kaedah perubatan yang menggabungkan kaedah perubatan Ilahiyat dan unsur kemanusiaan. Ini merupakan pendapat beberapa sarjana seperti Sulaiman al-Asyqar dan Ibn Hajar al-‘Asqalani.¹⁷ Walaupun terdapat sarjana menyatakan bahawa Ibn al-Qayyim memegang pendapat pertama¹⁸, namun yang lebih tepat adalah beliau juga berpegang kepada pendapat ketiga, iaitu gabungan pendapat pertama dan kedua.¹⁹

Jelas di sini bahawa definisi perubatan Islam merujuk kepada pelbagai kaedah rawatan selagi mana rawatan tersebut mengaplikasikan konsep pengibadatan kepada Allah (mentauhidkan-Nya dan mengikuti syariat-Nya). Dalam hal ini, perubatan alternatif juga boleh tergolong sebagai perubatan Islam sekiranya menepati maksud yang telah dinyatakan.

Namun, apakah itu perubatan alternatif? Mengikut praktikal zaman moden, definisi perubatan alternatif merujuk kepada kaedah perubatan yang menjadi penyokong atau pelengkap kepada kaedah perubatan moden atau konvensional; dan kaedah perubatannya berbeza mengikut latar belakang etnik, geografi dan kepercayaan.²⁰ Keluasan definisi ini bermaksud, perubatan alternatif boleh terdiri

¹⁵ Muhammad bin ‘Eisa al-Tirmidhi, *Jami’ al-Tirmidhi (Vol. 4)* (Nasiruddin al-Khattab, terj.), Riyadh: Darussalam, 2007, hlm. 119 (hadis 2038). Dihukum *Sahih* oleh Zubair ‘Ali Za’i. Lihat al-Quran, surah al-Najm (53: 3-4).

¹⁶ Nurdeen Deuraseh, “Health and Medicine in the Islamic Tradition”, hlm. 3.

¹⁷ Zulkiflee Haron, Konsep al-Shifa’ dalam al-Quran, hlm. 62-64.

¹⁸ Lihat misalnya Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, “Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)”, hlm. 67

¹⁹ Roshimah Shamsuddin & Mohd Siroj Abdul Lathiff, “Elemen Wahyu dalam Amalan Perubatan Nabi”, hlm. 76. Lihat juga Zulkiflee Haron, Konsep al-Shifa’ dalam al-Quran, hlm. 64.

²⁰ Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad & Anuar Ramli, “Keperluan Terhadap Rawatan Alternatif Islam: Tinjauan di Zon Selatan Semenanjung Malaysia”, Kertas Kerja dibentangkan dalam *International Conference on Islam in Malay World V (ICON-IMAD V)*, Prince Songkhla University,

daripada pelbagai pendekatan sama ada pendekatan metafizikal / personalistik (terapi spiritual, dsb.) atau (dan) juga fizikal / naturalistik (ubatan-ubatan herba, dsb.).²¹ Justeru, perubatan tradisional seperti perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional Arab, dan perubatan tradisional Melayu turut tergolong dalam perubatan alternatif. Walau bagaimanapun, bukan semua perubatan tradisional adalah perubatan alternatif selagi mana perubatan tradisional tersebut bertindak sebagai kaedah yang utama. Justeru, di situlah terletak perbezaannya.²²

Manakala, Esther Walcott pula menjelaskan bahawa perubatan alternatif merujuk kepada rawatan alternatif ataupun tradisional yang diguna pakai dengan pelbagai kaedah dan pendekatan. Rawatan tersebut menggabungkan rawatan secara alamiah dan metafizikal. Rawatan alamiah berasaskan tumbuh-tumbuhan semulajadi seperti herba dan jamu-jamu sebagai ubat-ubatan digunakan di samping terdapat cara rawatan terapi spiritual berkait dengan ilmu ghaib yang menggunakan jampi dan mantera.²³ Hal ini turut dijelaskan oleh Zulkiflee Haron yang menyatakan bahawa ciri-ciri rawatan alternatif adalah ianya merujuk kepada gabungan antara kaedah (i) metafizikal dengan (ii) saintifik (fizikal).²⁴

Namun, definisi yang diberikan mereka sebenarnya kurang tepat. Ini kerana, terdapat banyak kaedah perubatan yang tergolong dalam perubatan alternatif yang tidak mempunyai sebarang rawatan mahupun penjelasan metafizikal. Misalnya,

12-14 September 2015, hlm. 167. Lihat juga Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, "Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia", *Jurnal ILIM*, Bil. 6, 2013, hlm. 57-58.

²¹ Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusof & Sedek Ariffin, "Penyakit Spiritual, Fizikal dan Mental yang Dirawat di Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia: Satu Analisis", dalam Mohd Roslan Mohd Noor & Khadher Ahmad (eds.), *Islam & Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2014, hlm. 456-457.

²² Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, "Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)", hlm. 62.

²³ Esther Walcott, "Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi", Kerja Kursus *Consortium in Country Indonesia Studies (ACICIS)*, Malang, Universitas Muhammadiyah, 2004, hlm. 9.

²⁴ Zulkiflee Haron, Konsep al-Shifa' dalam al-Quran, hlm. 13.

kaedah homeopati yang berasaskan andaian saintifik “*like cures like*” (sejenis menyembuhkan jenisnya) hanya memanfaatkan ubat-ubatan fizikal.²⁵ Maka, lebih selamat jika berpada dengan definisi yang diberikan sebelumnya iaitu perubatan yang “menjadi penyokong atau pelengkap kepada kaedah rawatan moden”.

Dengan penjelasan tersebut, maksud perubatan alternatif Islam dapat difahami dengan lebih mudah. Perubatan alternatif Islam merujuk khusus kepada kaedah perubatan bukan konvensional yang berasaskan ajaran Islam, iaitu kaedah penjagaan kesihatan serta rawatan yang berasaskan pengibadatan kepada Allah ﷻ dengan mematuhi aturan-Nya.²⁶ Contohnya, penggunaan minyak kelapa dara dalam merawat penyakit kulit dengan kesedaran bahawa ikhtiar penyembuhan penyakit adalah perintah Allah serta bertawakkal kepada-Nya merupakan kaedah perubatan alternatif Islam. Maka, perubatan Islam bukan khusus kepada perubatan Arab. Oleh itu, sarjana mewujudkan perbezaan definisi antara dua perubatan tersebut sebagai *Traditional Arabic Medicine* dan *Islamic Medicine*.²⁷

Meskipun begitu, disebabkan sifat bidang perubatan yang universal, norma masyarakat tidak menganggap perubatan moden yang mengikuti ajaran Islam sebagai perubatan Islam. Sebaliknya, hanya perubatan alternatif Islam yang sering dianggap perubatan Islam. Daripada penjelasan ini, dapat disimpulkan bahawa kaedah perubatan Islam yang dimaksudkan dalam tesis ini adalah kaedah (i) bersumberkan wahyu

²⁵ Mohamad Taqirur Rahman et al., “Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective”, hlm. 62. Lihat juga Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, “Pusat Rawatan Islam di Malaysia: Antara Tanggungjawab dan Keuntungan”, Kertas Kerja dibentangkan dalam *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi ke-3*, Universiti Utara Malaysia, Kedah, 2-3 Julai 2013, hlm. 461.

²⁶ Mohammed Akhiruddin Ibrahim & Robiatul Adawiyah Mohd, “Concept of Shifa in al-Quran: Quranic Medicine Approach in Healing Physical Ailment”, *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, Vol. 6, No. 1, 2016, hlm. 16. Lihat juga Adynata and Idris, “Effectiveness of *Ruqyah Syar’iyyah* on Physical Disease Treatment in Riau Province”, *Jurnal Ushuluddin*, Vol. 24, No. 2, Julai-Disember 2016, hlm. 212. Rujuk juga Mohamad Taqirur Rahman et al., “Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective”, hlm. 64.

²⁷ Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, “Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)”, hlm. 63-64.

sepenuhnya; dan (ii) tiada penjelasan fizikal. Bererti, penyakit yang *hanya memerlukan rawatan ini* adalah penyakit ghaib; yakni gangguan makhluk halus atau penyakit hati.²⁸ Jika diperhalusi, kaedah ini terdiri daripada dua iaitu (i) ruqyah dan (ii) ibadat umum.²⁹ Untuk kaedah melalui ibadat umum, Nabi ﷺ mengajarkan agar sentiasa berdoa untuk kesihatan yang baik.³⁰ Di samping itu, solat secara umumnya merupakan satu rawatan untuk penyakit rohani.³¹ Manakala, penggunaan ruqyah atau jampi *syar'i* jelas merupakan tuntunan Sunnah; dan tidak mempunyai penjelasan fizikal.³²

Dalam hal ini, Khadher Ahmad dan rakannya turut memberi definisi perubatan Islam berdasarkan konsep yang dinyatakan. Definisi tersebut berasaskan ciri-ciri yang berikut: (i) ruqyah bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan doa yang baik; (ii) kaedah rawatannya mengikut apa yang pernah ditunjukkan oleh Nabi ﷺ; (iii) menggunakan bahan yang diyakini halal, suci dan bersih; dan (iv) menjaga syariat Islam dalam aspek praktikal rawatan.³³ Definisi ini juga terpakai secara praktikal apabila kajian menunjukkan bahawa pusat-pusat rawatan Islam di Malaysia merekodkan pesakit yang menghidap penyakit ghaib khususnya sihir adalah yang paling ramai, manakala penyakit jasmani adalah kedua yang terbanyak dirawat.³⁴ Ertinya, tanggapan masyarakat lebih melihat bahawa perubatan alternatif Islam sebagai rawatan berasaskan kaedah dari unsur ghaib (metafizikal) semata-mata.

²⁸ Nurdeen Deuraseh, "Health and Medicine in the Islamic Tradition", hlm. 8.

²⁹ Mohamad Taqirur Rahman et al., "Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective", hlm. 65-66.

³⁰ Mohammad Amin Rodini, "Medical Care in Islamic Tradition During the Middle Ages", *International Journal of Medicine and Molecular Medicine*, Vol. 3, No. 7, 2012, hlm.2.

³¹ G. Hussein Rassool, *Evil Eye, Jinn Possession and Mental Health Issues: An Islamic Perspective*, London: Routledge, 2019, hlm. 65.

³² Ibid., hlm. 63. Lihat juga Khadher Ahmad, "Satu Kajian Kaedah Rawatan Sihir di Pusat-pusat Rawatan Islam di Malaysia", *PERSPEKTIF Journal*, Vol. 4, No. 1, 2012, hlm. 106.

³³ Khadher Ahmad et al., "Penyakit Spiritual, Fizikal dan Mental yang Dirawat di Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia", hlm. 457.

³⁴ Ibid., hlm. 459-460.

Perkembangan teknologi dan arus pemodenan mutakhir ini (abad ke-21) telah membawa bersama perkembangan dalam bidang perubatan sama ada dari sudut keberkesanan, bukti saintifik mahupun kemudahan peralatan. Bidang perubatan sememangnya merupakan suatu yang asas bagi manusia kerana bidang tersebut adalah untuk kelangsungan kesihatan manusia. Kesihatan hidup secara aksiomatik merupakan suatu yang berharga bagi setiap insan. Justeru, perkembangan dalam bidang ini sememangnya sesuatu yang digalakkan. Selari dengan perkembangan tersebut, perubatan alternatif yang merupakan sebahagian daripada bidang perubatan juga turut mengalami perubahan. Secara globalnya, permintaan masyarakat terhadap perubatan alternatif dan komplementari ini semakin meningkat. Beberapa sarjana berpendapat bahawa antara sebab peningkatan ini adalah kerana masyarakat melihat kaedah perubatan alternatif lebih bersifat komprehensif kerana bukan sahaja melibatkan rawatan jasmani, malah rawatan rohani dan mental.³⁵

Menurut kajian daripada *Pew Research Center* pada tahun 2011 hingga 2012, pergantungan kepada perubatan alternatif dan tradisional dalam kalangan Muslim masih sangat kuat terutamanya di Afrika dan Asia Selatan. Mengikut laporan mereka, Malaysia juga tidak kurang menunjukkan ramai yang memilih perubatan alternatif, khususnya perubatan tradisional yang melibatkan perbomohan dan pengubatan mistik. Menurut kajian berasaskan temubual, pemerhatian dan soal selidik mereka dari tahun 2011 hingga 2012 di Malaysia, seramai 40% orang Islam di Malaysia *bergantung* kepada perubatan “tradisional dan keagamaan” apabila berubat. Manakala, 3 - 4% daripadanya mengaku menggunakan tangkal dan azimat untuk perlindungan yang merupakan suatu kesyirikan. Elemen syirik - tangkal dan azimat - dalam perubatan

³⁵ Mohammad Taqirur Rahman et al., “Therapeutic Interventions: An Islamic Perspective”, hlm. 61. Lihat juga Asim Abdelmoneim Hussein, Mohamed Ali Albar & Saud Mohamed Alsanad, “Prophetic Medicine, Islamic Medicine, Traditional Arabic and Islamic Medicine (TAIM)”, hlm. 62.

“tradisional dan keagamaan” yang dikenal pasti ini adalah daripada mereka yang mengaku menggunakannya. Bukanlah semua yang mengamalkan perubatan “tradisional dan keagamaan” tersebut mendedahkan bahawa tangkal dan azimat digunakan dalam sesi perubatan; apatah lagi sekiranya elemen ini sering dikelirukan dengan konsep “ikhtiyar dalam Islam” bagi meyakinkan pesakit.³⁶

Perkembangan dan kemajuan perubatan Islam di Malaysia terbukti apabila semakin banyak pusat rawatan Islam telah ditubuhkan. Permintaan yang tinggi ini kemungkinan juga berikutan perkhidmatan mereka yang memberangsangkan. Antara pusat rawatan yang terkehadapan dan menjadi buah mulut para pesakit dan pengamal rawatan alternatif Islam adalah Darussyifa'. Darussyifa' diasaskan oleh Dato' Dr. Haron Din dan merupakan pusat rawatan Islam terawal di Malaysia.³⁷ Setelah itu, muncul pusat rawatan lain. Antaranya ialah Darussalam, Pusat Rawatan Islam al-Manarah (PRIM), Persatuan Perawat Islam Nur Ihsan (AKRINE), Pusat Rawatan Islam al-Madani, Sinar Zamdurrani, Pusat Rawatan Darul Hikmah, Pusat Rawatan Darul Ruqiyah, Pusat Rawatan Islam al-Hidayah, Pusat Rawatan Islam Kiswah.³⁸ Menurut Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, sehingga tahun 2013 sahaja terdapat lebih daripada 60 pusat rawatan Islam di Malaysia.³⁹

Berdasarkan kajian terhadap persepsi penduduk di Selangor yang dilakukan Khadher Ahmad dan rakannya, secara induksinya, hampir keseluruhan masyarakat Muslim di Selangor mengetahui tentang kewujudan pusat rawatan Islam yang terdapat

³⁶ J. Bell, L. Lugo, A. Cooperman, J. H. Martinez, Besheer Mohamed, M. Robbins, N. Sahgal, K. Simmons, N. Kurakose, E. P. Sciupac, S. Stencel, D. Yoo, T. Miller, H. Ramp, *The World's Muslims: Unity in Diversity*, Report Produced by the Pew Research Center's Forum on Religion & Public Life, Washington, 2012, hlm. 68, 158-160.

³⁷ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, “Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam”, hlm. 73.

³⁸ Khadher Ahmad, “Satu Kajian Kaedah Rawatan Sihir di Pusat-pusat Rawatan Islam di Malaysia”, hlm. 83.

³⁹ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, “Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam”, hlm. 56.

di Selangor dan majoritinya pernah mendapatkan khidmat rawatan di pusat-pusat rawatan tersebut.⁴⁰ Mereka menyatakan bahawa faktor utama yang mendorong masyarakat Muslim di Selangor mendapatkan khidmat rawatan Islam adalah disebabkan keyakinan yang lebih dengan pendekatan rawatan Islam berbanding pendekatan rawatan yang lain (e.g. hospital dan klinik, tradisional, allopati). Bahkan kebanyakan penduduk Muslim di Selangor yang dikaji menyatakan bahawa peranan rawatan Islam adalah sama penting seperti rawatan di hospital dan klinik.⁴¹

Melihat pada situasi dan kepentingan rawatan Islam kini, Malaysia adalah antara Negara Membangun yang kebanyakan rakyatnya kurang berkemampuan terutama yang tinggal di kawasan desa dan luar bandar. Maka, kebanyakan rakyatnya masih bergantung kepada sistem perubatan komplementari atau alternatif yang mana rawatan Islam merupakan salah satu pilihan mereka.⁴² Berkaitan dengan perkembangan pusat rawatan Islam di Malaysia, Khadher Ahmad dan rakannya turut menyimpulkan bahawa rawatan Islam di Malaysia semakin mendapat sambutan yang menggalakkan, namun tahap celik dan peka pesakit terhadap kredibiliti dan kejelasan metode perawat di pusat rawatan Islam di Malaysia masih perlu dipertingkatkan.⁴³

Dalam tempoh perkembangan ini, Haron Din merupakan salah seorang tokoh yang menyumbang kepada perkembangan perubatan Islam di Malaysia. Haron Din merupakan seorang pengamal perubatan Islam yang banyak memberi idea pemikiran dan sumbangan dalam dunia perubatan Islam di Malaysia pada hari ini. Beliau telah

⁴⁰ Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Mohd Farhan Md Ariffin & Wan Noor Azila Wan Kamaruzzaman, "Persepsi Masyarakat Terhadap Rawatan Alternatif Islam: Satu Kajian Kes di Negeri Selangor D.E.", *Jurnal Intelek*, Jil. 9, No. 2, 2015, hlm. 30.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 31-32.

⁴² *Ibid.*, hlm. 35.

⁴³ Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Sulieman, "Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Latar Belakang Pengasas dan Isu Penggunaan Jin dalam Rawatan", *Jurnal Usuluddin*, No. 40, Julai – Disember 2014, hlm. 96.

menjadi ikutan kepada perawat perubatan Islam yang lain. Bukti lanjut tentang kenyataan-kenyataan ini ini akan dikemukakan pada bab seterusnya kerana memerlukan perbincangan khusus dan terperinci. Namun, cukuplah kiranya kenyataan ini didokong oleh testimoni pengkaji dan sarjana lain. Khadher Ahmad menyatakan: “... pusat rawatan Islam yang terawal yang lahir adalah usaha yang dilakukan oleh Dato’ Dr. Haron Din... tokoh ini giat mengembangkan pengubatan Islam...”.⁴⁴ Mohd Farhan Md Ariffin memuji amalan perubatan Haron Din sebagai “...antara yang terbaik”.⁴⁵ Farhah Zaidar Mohamed Ramli turut menegaskan bahawa Darussyifa’ yang dipimpin oleh Haron Din sebagai “...pelopor dan peneraju dasar perubatan Islam di Malaysia...”.⁴⁶ Muhammad Yusry Affandi Md Isa juga memuji Haron Din sebagai “...perintis perubatan Islam di Malaysia.”⁴⁷

Justeru, tidak syak lagi bahawa Haron Din merupakan seorang tokoh dalam bidang ini. Beliau telah bergiat aktif dalam bidang ini sejak akhir abad ke-20 lagi yang seterusnya membawa kepada kewujudan Darussyifa’.⁴⁸ Ketokohan Haron Din secara umum juga dapat dilihat daripada pelbagai jawatan, pangkat dan pencapaian kerjaya beliau bukan sahaja dalam bidang perubatan Islam, bahkan dalam bidang politik dan sosio-ekonomi. Misalnya, Haron Din pernah dilantik sebagai pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli Majlis Penasihat Syariah pelbagai Bank di Malaysia seperti Bank Negara Malaysia, Public Bank dan CIMB Bank. Beliau juga pernah menjawat pelbagai

⁴⁴ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, “Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam”, hlm. 73.

⁴⁵ Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Ismail, “Pusat Perubatan Alternatif Islam di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin dalam Rawatan”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 9, Januari 2015, hlm. 75.

⁴⁶ Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Phayilah Yama & Ikmal Zaidi Hashim, “Dato’ Dr. Haron Din (1940-2016) Tokoh Pengamal Perubatan Islam di Malaysia”, *Jurnal Pengajian Islam*, Bil. 12, Isu 2, 2019, hlm. 209.

⁴⁷ Muhammad Yusry Affandi Md Isa, “Sumbangan Dato’ Dr. Haron Din terhadap Penghayatan al-Quran”, *Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah*, Vol. 16, Special Issue, 2020, hlm. 38.

⁴⁸ Mohd Zainudin Yusoff, *Amalan Perubatan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa’*: Satu Penilaian Hukum, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012, hlm. 29-37.

jawatan dalam kegiatan politik dan yang tertinggi adalah sebagai Mursyidul Am Pas yang ketiga.⁴⁹

1.3 Pernyataan Masalah

Suatu prinsip asas atau aksiomatik adalah sesuatu kejadian yang berlaku pasti mempunyai sebabnya.⁵⁰ Inilah yang menuntut kepada usaha pengkajian. Perkembangan perubatan Islam di Malaysia yang memberangsangkan ini juga tentu mempunyai penjelasannya. Persoalannya, perkembangan kegiatan perubatan Islam di Malaysia ini tentunya memerlukan penggiat atau penggerakannya. Terdapat ramai individu yang mempunyai bahagian dalam menyumbang kepada perkembangan ini. Justeru, kajian mendalam tentang tokoh yang berperanan dalam menyumbang kepada perkembangan perubatan Islam di Malaysia ini perlulah dihargai.

Melihat pada pujian yang diberikan kepada Haron Din serta peranannya sebagai salah seorang pengamal perubatan Islam, tentunya terdapat bahagian dan aspek yang merupakan hasil sumbangan beliau. Andaian wujudnya sumbangan beliau terhadap perkembangan ini adalah berasaskan kepada pujian serta pengetahuan orang awam tentang beliau. Justeru, inilah yang menjadi persoalan kajian tesis ini. Di samping itu, kajian tentang pelopor utama bidang perubatan Islam di Malaysia juga masih tiada. Dalam hal ini, tesis ini turut mengajukan hipotesis bahawa sumbangan Haron Din tersebut memainkan *peranan utama* dalam perkembangan perubatan Islam di Malaysia. Kekurangan kajian khusus secara mendalam tentang sumbangan Haron

⁴⁹ Muhammad Yusry Affandy Md Isa, "Sumbangan Dato' Dr. Haron Din Terhadap Penghayatan al-Quran", hlm. 35, 39-40.

⁵⁰ Abu Hamid al-Ghazali, *Tahafut al-Falasifah: Membongkar Tabir Kerancuan Para Filosof* (Ahmad Maimun, terj., Irwan Kurniawan & Mathori A. Elwa, eds.), Bandung: Penerbit MARJA, 2012, hlm. 65-101 & 121.

Din dalam bidang perubatan Islam dan peranannya sebagai penggerak utama bidang ini di Malaysia akan dijelaskan dalam ulasan literatur di bahagian seterusnya.

Dalam membincangkan perubatan Islam di Malaysia, tentunya latar belakang atau sejarah perubatan Islam di Malaysia perlu dibincangkan terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, sumbangan Haron Din dalam bidang perubatan Islam hanya dapat dilihat dengan jelas sekiranya latar belakang atau keadaan sebelumnya telah dimaklumkan. Berdasarkan huraian ringkas tentang latar belakang dalam sub-topik sebelumnya, tidak syak lagi bahawa perubatan Islam semakin berkembang di Malaysia. Justeru, apakah yang menyebabkan perubahan-perubahan ini? Ini kerana, perkembangan menuntut kepada perubahan atau penambahbaikan. Jadi, secara khususnya, apakah peranan Haron Din dalam perkembangan perubatan Islam ini? Inilah yang menjadi subjek kajian tesis ini.

Penglibatan Haron Din dalam bidang perubatan Islam ini sudah diketahui oleh majoriti masyarakat di Malaysia. Penerbitan buku-buku beliau tentang ilmu ini sudah banyak dibahaskan dan menjadi rujukan kepada perawat-perawat Islam yang lain. Namun begitu, rujukan dalam bentuk kajian ilmiah tentang salasilah kehidupan dan perkembangan kerjaya beliau dalam bidang perubatan Islam masih kurang dihasilkan. Bahkan, kajian khusus dan menyeluruh tentang sumbangan beliau dalam bidang perubatan Islam di Malaysia masih belum dihasilkan. Sedangkan ketokohan beliau dalam memberi sumbangan intelektual mahupun sosial terlalu banyak yang dicurahkan. Antaranya, menubuhkan Darussyifa' dan memberi komitmen dalam menyampaikan ilmu bidang ini dalam negara. Di samping itu, justifikasi tentang sumbangan dan ketokohan beliau memerlukan kajian tentang latar belakang kehidupan beliau yang sekali gus menggambarkan pemikiran dan keadaan sekitar beliau.

Di samping itu, ketokohan beliau dalam bidang ini dapat dilihat pada karya-karya ilmiah beliau berbentuk buku seperti penulisan beliau dalam “Siri Pengajian Pengubatan Islam” yang terdiri daripada lima jilid, terbitan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa’. Di dalam buku ini perbincangan yang terperinci diberikan mengenai konsep rawatan Islam oleh Nabi ﷺ dan kaedah rawatan Rasulullah ﷺ berlandaskan dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah.⁵¹

Penubuhan pusat rawatan Islam Darussyifa’ telah memberi satu nafas baru dalam bidang perubatan Islam di Malaysia. Dalam hal ini, sumbangan terbesar Haron Din adalah dengan menubuhkan Darussyifa’ yang banyak membantu masyarakat dalam mencari ikhtiar untuk menyembuhkan sesuatu penyakit sama ada penyakit fizikal mahupun rohani.⁵² Hal ini berikutan dari amalan masyarakat tempatan yang masih keliru antara kaedah perubatan Islam dengan perubatan tradisional yang mana banyak dipengaruhi oleh amalan animisme dan budaya hindu dalam rawatan. Amalan khurafat dan tahyul ini bertentangan dengan syariat Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.⁵³ Justeru, menerusi penyelidikan ini, perkara yang mendorong Haron Din untuk menubuhkan Darussyifa’ dapat dikenalpasti. Seterusnya dikemukakan dalam bentuk penulisan ilmiah. Maka, menjadi tanggungjawab kajian ini untuk menjustifikasi dan mengenalpasti asal usul sumbangan Haron Din dalam Darussyifa’ ini.

⁵¹ Khadher Ahmad, Abdullah Yusof & Mohd Farhan Md Ariffin, “Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis”, dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Ishak Hj. Sulieman (eds.), *Tajdid in Quranic Studies*, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Studies Universiti Malaya, 2014, hlm. 194-195.

⁵² Amirul Haikal Rahim & Ahmad Zafran Shahrul Azhar, *Peranan dan Cabaran Ulamak dalam Institusi Islam Nusantara: Pendidikan Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa’)*, Kertas Kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Tokoh Melayu Nusantara Kali ke-2, Kolej Universiti Islam Selangor, 26 April 2017, hlm. 3.

⁵³ Azhar Ibrahim Alwee, “Perbomohan dan Kebertahanannya: Satu Tinjauan Kritis”, Kertas Kerja dibentangkan dalam *The Reading Group*, Darul Arqam, Singapura, 17 Feb 2016, hlm. 2 & 7.

Di sebalik perkembangan perubatan Islam di Malaysia, terdapat beberapa permasalahan yang memerlukan penjelasan. Satu masalah yang amat serius adalah penggunaan atau pertolongan jin dalam proses merawat. Ini kerana, agama Islam sememangnya melarang keras penggunaan jin bukan sahaja dalam rawatan, tetapi dalam setiap urusan lain.⁵⁴ Ini jelas dalam pelbagai ayat al-Quran. Misalnya, dalam surah al-Jin (72: 6), Allah ﷻ berfirman yang bermaksud: “Dan bahawasanya ada beberapa orang manusia lelaki meminta perlindungan kepada beberapa jin lelaki...”. Syeikh Abdur-Rahman Nasir al-Sa’di dalam tafsirnya, *Taysir al-Karim al-Rahman*, menghuraikan bahawa ayat tersebut bermaksud, jin akan membawa manusia bergantung kepadanya –syirik- apabila manusia memohon pertolongan darinya dan bukan kepada Allah.⁵⁵

Namun, terdapat beberapa pusat rawatan Islam di Malaysia yang menggunakan khidmat jin dan seharusnya tidak layak menamakan pusat rawatannya dengan label “Islam”.⁵⁶ Dalam waktu mutakhir ini, kajian Khadher Ahmad dan rakannya terhadap 70 pusat rawatan Islam di Malaysia menunjukkan bahawa 9 daripadanya menggunakan jin dalam merawat pesakit, yang mana pengasas yang menggunakannya turut terdiri daripada mereka yang mempunyai didikan agama, tidak mengira peringkat taraf pengajian (termasuk lepasan Institut Pengajian Tinggi); dan kesemua perawat

⁵⁴ Lihat juga Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Suliaman, “Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia”, hlm. 92-93.

⁵⁵ Abdur-Rahman Nasir al-Sa’di, *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan (Tafsir As-Sa’di) (Vol. 10)* (Nasiruddin al-Khattab, terj. & Huda Khattab, ed.), Riyadh: International Islamic Publishing House, 2018, hlm. 238.

⁵⁶ Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Mohd Khairi Shafie, Sedek Ariffin, Fauzi Deraman & Mustaffa Abdullah, “Penekanan Aspek Wasatiyyah Bagi Pembangunan Kesejahteraan Masyarakat Islam Melalui Pengubatan Alternatif Islam: Pengalaman di Malaysia”, Kertas Kerja Dibentangkan dalam *International Conference on Islam in Malay World V (ICON-IMAD V)*, Prince Songkhla University, Thailand, 12-14 September, 2015, hlm. 9-10.

tersebut merupakan pengamal tarekat tertentu. Penggunaan jin dalam rawatan ini dipanggil *istighatsah* kepada selain Allah, yang merupakan sebuah kesyirikan.⁵⁷

Seperkara yang membimbangkan adalah latar belakang agama pengasas pusat rawatan Islam ini kerana majoritinya tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama atau tidak arif dalam hal ilmu agama yang menjadikan pusat rawatan tersebut terdedah dengan penyelewengan.⁵⁸ Seperkara lagi isu berikutan dengan perkembangan pusat rawatan Islam di Malaysia ini ialah majoriti pengasas atau pengamal perubatan ini bekerja sepenuh masa yang bererti mereka menjadikan rawatan Islam ini sebagai punca utama pendapatan mereka. Perkara ini boleh menjadi petunjuk terdapat pengamal atau pengasas yang mengambil kesempatan terhadap sambutan yang menggalakkan terhadap rawatan Islam.⁵⁹

Dalam hal ini juga, permasalahan yang timbul adalah: bagaimana perubatan Islam di Malaysia boleh dieksploitasi dan dikelirukan? Justeru, latar belakang atau perkembangan kegiatan perubatan Islam di Malaysia juga akan menjadi permasalahan kajian tesis ini. Kesamaran dan kekeliruan dalam kegiatan pusat rawatan Islam yang telah diketengahkan menuntut kepada penjelasan lanjut tentang perubatan Islam.⁶⁰ Ini kerana, kesan ini telah memberi kekeliruan yang pelbagai kepada masyarakat. Dalam hal ini, jelas bahawa ulasan dan penjelasan lanjut tentang bidang ini haruslah daripada tokohnya. Maka, seyogyanya pemikiran Haron Din dan penjelasannya tentang perubatan Islam harus dikaji dalam tesis ini.

⁵⁷ Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Suliaman, "Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia", hlm. 91-92

⁵⁸ Ibid., hlm. 81

⁵⁹ Ibid., hlm. 83.

⁶⁰ Ibid., hlm. 92.

Perbahasan mengenai perubatan Islam ini bukanlah sesuatu yang baharu. Para ulama dan sarjana masa dulu dan kini telah pun melakukan perbincangan mengenai perkara ini. Manakala, penulisan tentang Haron Din dalam bidang perubatan Islam juga turut telah dilaksanakan walaupun tidak banyak dan tidak terperinci. Kebanyakan penulisan sumbangan Haron Din adalah sumbangan yang umum. Maka, melalui kajian ini penulis akan menyelusuri dengan lebih mendalam sejarah hidup Haron Din sebagai seorang tokoh erta sumbangan beliau dalam bidang perubatan Islam di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada permasalahan kajian yang dihuraikan, rumusan kepada persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimana keadaan perubatan Islam di Malaysia dahulu?
2. Apakah latar belakang kehidupan Haron Din?
3. Sejauh mana sumbangan yang diberikan oleh Haron Din dalam bidang perubatan Islam di Malaysia?

1.5 Objektif kajian

1. Menelusuri perkembangan kegiatan perubatan Islam di Malaysia.
2. Mengkaji latar belakang dan sejarah Haron Din.
3. Menghuraikan sumbangan Haron Din dalam bidang perubatan Islam di Malaysia.

1.6 Sorotan Literatur

Menerusi permasalahan kajian yang diketengahkan, kajian-kajian lepas telah dikumpul untuk dijadikan sumber rujukan perbincangan ini. Kajian ini telah melakukan beberapa sorotan kajian lepas bagi menjustifikasi keperluan untuk kajian ini. Sorotan kajian yang dijalankan dapat diklasifikasikan kepada dua aspek iaitu dari sudut kajian tentang perubatan Islam; dan kajian tentang ketokohan serta sumbangan Haron Din dalam bidang perubatan Islam di Malaysia. Kajian lepas yang telah dilakukan terdiri dari pelbagai sumber iaitu buku, bab dalam buku, artikel jurnal dan disertasi / tesis.

Ibn al-Qayyim dalam *al-Tibb al-Nabawi* yang telah diterjemahkan sebagai *Panduan Perubatan Nabi ﷺ*, telah menghuraikan tentang definisi perubatan Islam seperti konsep penyakit dan ubat dalam Islam serta pembahagian penyakit dalam Islam. Penekanan tulisan beliau adalah pada kaedah pemeliharaan, pencegahan dan rawatan penyakit melalui cara rawatan Nabi ﷺ. Menurut beliau, doa dan ayat-ayat al-Quran adalah asas penting yang digunakan bagi proses rawatan cara Nabi ﷺ sama ada untuk proses rawatan kaedah fizikal mahupun metafizikal.⁶¹ Walaupun buku beliau amat bermanfaat untuk menerangkan tentang konsep dan kaedah perubatan Islam yang sebenar, tetapi tentunya buku beliau tidak membincangkan tentang perubatan Islam dalam konteks Malaysia seperti mana yang diusahakan tesis ini.

Dalam penulisan buku Haron Din bertajuk *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit dengan Ayat-ayat dan Doa-doa Mustajab*, beliau memberikan penerangan yang teliti tentang penggunaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa dalam rawatan penyakit terutama masalah penyakit yang berpunca dari gangguan makhluk halus, jin dan sihir.

⁶¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Panduan Perubatan Nabi ﷺ* (H.S. Agil Husin al-Munawar & Abd. Rahman Umar, terj.), Selangor: Crescent News Sdn Bhd, 2010.

Besertakan panduan dan kaedah amalan yang betul, isi kandungan buku tersebut dapat membimbing pesakit atau masyarakat agar mengamalkan ayat-ayat al-Quran dengan baik bagi tujuan pengubatan tanpa penglibatan unsur-unsur syirik.⁶² Justeru, buku-buku beliau amat bermanfaat dalam menelusuri pemikiran dan gagasan perubatan Islam yang dibawa dan diperjuangkan beliau. Meskipun begitu, tesis ini turut mengkaji tentang perkembangan perubatan Islam di Malaysia yang tidak dibincangkan dalam tulisannya.

Dalam satu disertasi yang dihasilkan oleh Mardiana Abdul Ghani mengenai perubatan Islam di Darussyifa' yang bertajuk *Penggunaan Ayat al-Quran dalam Bidang Perubatan: Kajian di Darussyifa' Bangi*,⁶³ penekanan kajiannya diberi dari aspek sejarah penubuhan Darussyifa'; jenis penyakit yang dirawat; dengan kaedah serta ayat yang diguna pakai. Selain itu, beliau turut membuat pengukuran berdasarkan maklum balas dari pesakit yang mendapatkan rawatan Darussyifa'. Bagaimanapun, kajian beliau tidak membincangkan tentang peranan Darussyifa' dan Haron Din dalam menyumbang kepada kemajuan perubatan Islam di Malaysia. Kajian beliau lebih kepada kajian kes tentang kaedah-kaedah perubatan Islam, berbeza dengan kajian yang menjadi fokus tesis ini.

Khader Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin dalam penulisan artikel yang bertajuk *Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan* menyelidiki pusat-pusat rawatan di Malaysia dengan menganalisis realiti perubatan alternatif berteraskan Islam dan pandangan

⁶² Haron Din, *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit dengan Ayat-ayat dan Doa-doa*, Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa'), 2008.

⁶³ Mardiana Abdul Ghani, *Penggunaan Ayat al-Quran dalam Bidang Perubatan: Kajian di Darussyifa' Bangi*, Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya. 2004.

ulama dalam bidang ini serta hala tuju perkembangan perubatan Islam. Hasil kajian dan analisis beliau dapat dijadikan salah satu garis panduan bukan sahaja dari segi teknik rawatan, malahan kredibiliti pengasas pusat rawatan, pendidikan yang diperlukan oleh perawat, dan sumber ilmu yang diterima sama ada pengasas mahupun perawat.⁶⁴ Walaupun artikel mereka membincangkan tentang perkembangan pengubatan alternatif berteraskan Islam, namun hanya secara ringkas. Tambahan pula, kajian mereka tidak membincangkan tentang sumbangan Haron Din. Justeru, tesis ini akan memanfaatkan dan menambah baik perbincangan kajian beliau dengan memberikan rincian tentang perkembangan perubatan Islam di Malaysia.

Manakala, dalam sebuah bab dalam buku *Tajdid in Quranic Studies*, mereka menerangkan tentang perubatan Islam di Malaysia dengan menumpukan tentang amalan ruqyah.⁶⁵ Kajian mereka mendedahkan tentang ruqyah *syar'iyah* dan ruqyah *syirkiyyah*. Lebih utama lagi, mereka menyumbangkan kesimpulan ciri-ciri perubatan Islam yang sebenar. Perbincangan ulama silam seperti al-Zamakhshari dan Ibn Kathir tentang konsep dan kaedah perubatan Islam turut sarat dalam bab buku mereka. Penjelasan mereka amat penting dalam tesis ini mengenalpasti aspek apakah dari sudut ruqyah yang boleh dinobatkan sebagai sumbangan Haron Din. Di samping itu, penjelasan tentang perubatan pada zaman Nabi ﷺ turut dijelaskan yang akan dimanfaatkan dalam bab dua tesis ini. Walau bagaimanapun, tentunya kajian beliau tidak menyentuh tentang sumbangan Haron Din dalam bidang ini di Malaysia yang mana akan dilakukan oleh tesis ini.

⁶⁴ Khader Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin, "Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan", *Jurnal al-Basirah*, Vol. 4, Bil. 4, November 2014, hlm. 109-134.

⁶⁵ Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin, "Signifikansi Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis", dalam Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Ishak Hj Sulieman (eds.), *Tajdid in Quranic Studies* (pp. 193-212), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Studies Universiti Malaya, 2014.

Sumbangan tokoh dalam bidang perubatan Islam telah dilakukan oleh Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin dalam satu artikel mereka.⁶⁶ Mereka menghuraikan bahawa perubatan Islam di Malaysia secara signifikannya dipelopori atau dimulakan oleh Haron Din. Mereka menjelaskan tentang sumbangan Haron Din dalam aspek penghasilan karya ilmiah perubatan Islam, pengajaran dan dakwah perubatan Islam serta kegiatan melalui pusat rawatan Darussyifa'. Meskipun begitu, terdapat beberapa isi yang masih boleh dihuraikan. Antaranya, sumbangan beliau dari sudut melahirkan ramai ilmuwan perubatan Islam di Malaysia, seperti yang akan dihuraikan dalam tesis ini. Walaupun artikel mereka menghuraikan perkembangan perubatan Islam di Malaysia, namun huraianya lebih ringkas berbanding tesis ini. Huraianya juga tidak menekankan tentang kesinambungan pengaruh perubatan pra-Islam kepada perubatan Islam di Malaysia yang menyebabkan kesamaran dalam bidang ini seperti yang akan dijelaskan oleh tesis ini. Tambahan pula, tentunya artikel ini terhad sesuai kapasitinya untuk membincangkan sumbangan Haron Din.

Dalam hal ini, buku yang ditulis Mohd Zawawi Mohamad & Nur Azuki Yusuff telah menerangkan kajian tentang peralihan perubatan pra-Islam kepada perubatan Islam di Malaysia.⁶⁷ Penulisan mereka amat jelas dari aspek menerangkan unsur-unsur perubatan pra-Islam yang masih menapak dalam “perubatan Islam di Malaysia” kini. Meskipun begitu, adalah pasti bahawa buku ini tidak menjelaskan tentang peranan Haron Din dalam bidang perubatan Islam. Justeru, tentunya aspek ini akan diisi dalam tesis ini. Buku mereka bagaimanapun boleh dimanfaatkan secara tidak langsung dalam

⁶⁶ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin, “Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia: Analisis Perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia”, *Jurnal ILIM*, Bil. 6, 2013, pp. 55-87.

⁶⁷ Mohd Zawawi Mohamad & Nur Azuki Yusuff, *Dinamisme Perubatan Tradisional dan Perubatan Islam dalam Alam Melayu*, Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2019.

memahami *aspek apakah* dalam amalan atau kegiatan perubatan Islam di Malaysia yang mengalami perubahan disebabkan sumbangan Haron Din.

Muhammad Yusry Affandy Md Isa pula menyumbangkan satu artikel terkini (2020) yang sangat bermanfaat tentang Haron Din. Artikel beliau menghujahkan bahawa Haron Din merupakan seorang tokoh yang sumbangannya amat berpandukan al-Quran dalam pelbagai aspek, termasuk aspek perubatan Islam.⁶⁸ Walau bagaimanapun, penulisan beliau tentang hal tersebut tidaklah mendalam serta masih banyak yang tidak dinyatakan, sesuai dengan kapasiti artikelnya. Justeru, tesis ini akan menghuraikan lebih banyak tentang sumbangan Haron Din dengan lebih terperinci. Meskipun begitu, keumuman sumbangan Haron Din yang dihujahkan dalam artikel beliau amat bermanfaat bagi tesis ini merangka biografi Haron Din.

Seterusnya, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Phayilah Yama & Ikmal Zaidi Hashim telah mendedikasikan satu tulisan artikel khusus tentang ketokohan dan sumbangan Haron Din dalam perubatan Islam.⁶⁹ Artikel mereka merupakan yang pertama secara khusus membincangkan sumbangan Haron Din dalam aspek ini dan hal ini sangat bermanfaat. Mereka menghujahkan bahawa terdapat sebelas aspek ketokohan Haron Din dalam perubatan Islam. Meskipun begitu, kejelasan artikulasi penulisan mereka tentang sebab-akibat atau implikasi tertentu tindakan Haron Din terhadap perubatan Islam di Malaysia masih kurang jelas. Di samping itu, mereka tidak memanfaatkan satu sumber primer yang digunakan dalam tesis ini (akan dijelaskan pada sub-topik seterusnya). Tambahan pula, penulisan mereka kurang menjelaskan tentang apakah bentuk perubatan Islam di Malaysia sebelumnya; bagaimanakah

⁶⁸ Muhammad Yusry Affandy Md Isa, "Sumbangan Dato' Dr. Haron Din terhadap Penghayatan al-Quran", *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, Vol. 16, Special Issue, 2020, pp. 31-44.

⁶⁹ Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Phayilah Yama & Ikmal Zaidi Hashim, "Dato' Dr. Haron Din (1940-2016) Tokoh Pengamal Perubatan Islam di Malaysia", *Jurnal Pengajian Islam*, Bil. 12, Isu II, 2019.